

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2015

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) senarai ubat-ubatan bagi penyakit kanser, sakit jantung, sakit buah pinggang dan penyakit kronik yang lain yang tidak tersenarai dalam senarai ubatan berkadar sifar di bawah GST; dan

(b) justifikasi ubat-ubatan ini dikenakan cukai GST.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan bahawa GST bagi ubat-ubatan mengikut senarai Kementerian Kesihatan

Malaysia sebagai Ubat Penting Nasional atau National Essential Medicines (NEM) adalah pada kadar sifar. NEM adalah senarai ubat yang perlu ada dan merupakan sebahagian daripada 7,000 produk Ubat Terkawal dan 4,000 produk Ubat Bukan Racun yang dikategorikan oleh Kementerian Kesihatan. Ubat-ubatan dibawah NEM yang disenaraikan pada kadar sifar adalah terdiri daripada 4,217 jenama yang meliputi 320 entiti kimia dan bagi kegunaan 30 jenis penyakit seperti sakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan kanser.